

Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud Al-Fatani Mengenai Konsep Kemaslahatan dan Keadilan Dalam Kitab Fiqh Jawi (Sullam Al-Mubtadi) : Kajian Tumpuan Terhadap Kontrak Mua'wadah

The Economic Thought Syeikh Daud Al-Fatani on The Concept Of Maslahah and Justice In Jawi Book (Sullam Al-Mubtadi): A Focus Study On Mu'awadah Contract

Mohd. Faisal Mohamed¹, Maad Ahmad².

ABSTRAK

Pemikiran ekonomi ditakrifkan sebagai kajian, teori dan kaedah penyelesaian masalah ekonomi hasil idea dan ijtihad sarjana-sarjana Islam yang berasaskan kemaslahatan dan syara'. Perkembangan perbincangan ekonomi Islam bermula sejak perutusan Nabi Muhammad s.a.w. kerana salah satu aspek yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah ialah mengenai ekonomi. Dengan berkembangnya tamadun Islam maka perbincangan mengenai ekonomi turut berkembang, terutamanya dengan kemunculan ahli-ahli Fiqh dan mazhab-mazhab Fiqh. Ahli-ahli Fiqh adalah antara golongan yang telah memainkan peranan penting dalam mengemukakan idea berdasarkan dalil-dalil naqli mahupun aqli dan menyusun perbincangan mengenai ekonomi. Ulama-ulama tradisi di Nusantara juga seperti Syeikh Daud al-Fatani tidak ketinggalan dalam memainkan peranan tersebut di Alam Melayu. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran ekonomi mengenai konsep keadilan dan kemaslahatan dalam salah satu karya beliau iaitu kitab Sullam al-Mubtadi dengan menggunakan metod 'Content Analysis'. Kajian ini akan tertumpu kepada kontrak-kontrak yang berasaskan konsep Mu'awadah. Dijangka beberapa konsep ekonomi yang melatari perbincangan teks kitab ini akan diperolehi daripada kajian ini.

Kata Kunci : Pemikiran ekonomi, konsep keadilan dan kemaslahatan, Syeikh Daud al-Fatani dan kitab fiqh jawi.

ABSTRACT

Islamic economic thought is defined as the study of the theory and methods of solving economic problems. it is the result of ideas and ijtihad of Islamic scholars based on maslahah and Islamic law. The development of Islamic economics discussion started from the era of messenger Muhammad saw. because one of the aspects contained in the Quran and al-Sunnah is about economy. With the development of Islamic civilization, the discussion about the economy also grew, especially with the emergence of fiqh scholars and schools. the Fiqh scholars are among those who have been instrumental in the idea based on the arguments of naqli or aqli and organized discussions on the economy. Traditional Ulama in the archipelago as well as Sheikh Daud al-Fatani had play that role

¹ Mohd. Faisal Mohamed, Phd. Syariah, UM. Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mohdfaisal@usim.edu.my

² Maad Ahmad, Sarjana Fiqh dan Usul al-Fiqh, UIAM. Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, KUIS. maad@kuis.edu.my.

in the Malay world. Therefore, this study aimed to analyze the economic thinking of the concept of justice and maslahah in one of his book namely al-Mubtadi Sullam by adopting methods 'Content Analysis'. This study will focus on contracts based on the concept of mu'awadah. Expected some discussion of economic concepts that underlie the text of this book will be found from this study.

Key Words: *Economic thought, justice and maslahah, Syeikh Daud al-Fatani and kitab jawi book.*

Pendahuluan

Kemaslahatan dan keadilan sosial menjadi asas penting dalam Islam. Menurut al-Syatibi Syariah yang datang daripada Allah s.w.t. adalah bertujuan untuk kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat (al-Syatibi t.t) Menurut beliau lagi semua hukum yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t. mempunyai objektif dan tujuan. Perbincangan mengenai tujuan syariah dalam menjaga kemaslahatan manusia yang merangkumi aspek rezeki manusia, keperluan manusia dari segi rohani, jasmani dan emosi terkandung dalam perbincangan Maqasid Syariah. Disamping itu keadilan turut menjadi teras penting dalam Ekonomi Islam. Dalam konteks ekonomi Islam, konsep keadilan mengkehendaki sistem yang berjalan memberi sumbangan positif kepada masyarakat, menjamin kebajikan, membentras unsur-unsur penindasan, membantu golongan yang lemah, menyediakan kesejahteraan sosial dan lain-lain lagi (Nor Mohamed Yacop, 1996)

Definisi Ekonomi Islam

Menurut Muhammad Abdul Mannan ekonomi Islam ialah sains sosial yang mengkaji masalah-masalah ekonomi satu golongan masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai Islam (Muhammad Abdul Mannan: 1986). Menurut Masudul Alam Choudhury ekonomi Islam ialah kajian sejarah, empirik dan teori dalam menganalisis keperluan manusia dan masyarakat berdasarkan garis panduan sistem nilai Islam (Choudury, 1986). Menurut Akram Khan ekonomi Islam ialah kajian *al-falĒĪ* manusia yang dicapai melalui pengurusan sumber bumi berdasarkan penyertaan dan kerjasama (Muhammad Akram Khan, 1995). Menurut M. Umer Chapra pula ekonomi Islam ialah satu cabang ilmu yang membantu manusia mencapai kehidupan yang baik melalui pembahagian dan pengagihan sumber-sumber yang terhad yang selari dengan prinsip *MaqĒĪd*, tanpa secara tidak sedar mengekang kebebasan individu atau melemahkan ikatan kekeluargaan, sosial dan moral masyarakat (M.Umar Chapra, 2000). MuĒammad SyawqĒ al-FanjarĒ mentakrifkan ekonomi Islam sebagai apa yang mengarah dan menyusun kegiatan ekonomi selari dengan pokok-pokok ajaran Islam dan prinsip-prinsip perekonomian (Al-Fanjari, 1981). Manakala Muhammad Baqir al-Sadr mentakrifkan ekonomi Islam sebagai aliran atau mazhab ekonomi bagi Islam yang terkandung dalamnya kaedah pendekatan Islam menyusun kehidupan perekonomian (Muhammad Baqir Al-Sadr ,1981). Berdasarkan definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana Islam tersebut dapatlah dirumuskan bahawa ekonomi Islam ialah : Satu cabang ilmu dan kajian sains sosial mengenai tingkah laku dan kegiatan manusia menguruskan sumber-sumber bumi yang terhad berdasarkan ajaran Islam untuk mencapai kejayaan, kebaikan dan kesejahteraan hidup.

Metodologi Ekonomi Islam

Jika ekonomi konvensional yang berdasarkan metodologi barat yang menitikberatkan sesuatu kaedah yang dianggap saintifik, membentuk teori atau model berasaskan pemerhatian terhadap fenomena ekonomi dan mengujinya dengan membentuk hipotesis yang boleh dikaji, seterusnya diuji berdasarkan majoriti kelakuan ejen ekonomi serta data-data empirik untuk membentuk teori ekonomi yang sah, ekonomi Islam sebaliknya yang diasaskan berdasarkan etika, nilai moral dan kerohanian adalah satu fenomena yang sukar untuk diukur dan tidak bersifat objektif. Dalam masa yang sama, memberi penumpuan hanya kepada data semata-mata dengan mengenyahkan nilai-nilai moral dan kerohanian akan menjadikan sesuatu metodologi itu tidak saintifik. Ini adalah kerana faktor penting yang mempengaruhi kelakuan manusia telah diketepikan. Justeru, dalam kajian ekonomi Islam metodologi akan dianggap saintifik jika ia tidak semata-mata menekankan teknik statistik sebaliknya turut memasukkan nilai-nilai moral, prinsip, etika dan ideologi (Surtahman & Sanep, 2010).

Dalam pembentukan sama ada teori atau model acuan barat selalunya perkara yang direka oleh manusia akan digunakan. Pemerhatian terhadap kelakuan manusia dan apa-apa yang biasanya berlaku dijadikan asas pada andaian, batasan, syarat dan bentuk hubungan. Dalam ekonomi Islam pembentukan sesuatu idea bukan semata-mata rekaan manusia tetapi berdasarkan ajaran Islam. Justeru, dalam pembentukan metodologi ekonomi Islam pandangan utama adalah ajaran Islam. Setiap andaian, batasan, syarat dan had akan berdasarkan ajaran Islam dan kayu pengukur bagi kebolehterimaan setiap fakta adalah ajaran Islam. Bagi perkara yang tidak dinyatakan secara eksplisit maka pertimbangan terserah kepada budi bicara manusia asalkan perlaksanaannya tidak bercanggah dengan syarak (Surtahman & Sanep, 2010).

Ciri-Ciri Ekonomi Islam

Ekonomi Islam mempunyai ciri-ciri yang khusus. Ia dapat disenaraikan seperti berikut:

- 1- Ekonomi Islam adalah berasaskan dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah, selain turut didasari dengan sumber-sumber lain seperti *IjmÉÑ*, *QiyÉs*, *ÑUrÉf*, *Qawl al-ØaÍÉbÉ*, *MaÍÉliÍ al-Mursalah*, *IstiÍsÉn*, *IstiÍÍÉb* dan ijtihad. Dalam erti kata yang lain ekonomi Islam berjalan dalam kerangka dan batas yang dibenarkan oleh ajaran Islam serta terikat dengan akidah, syariah dan akhlak (Muhammad Abdul Mannan, 1986).
- 2- Ekonomi Islam sentiasa menyeimbangkan antara kepentingan masyarakat dan individu. Islam mengiktiraf hak pemilikan individu dan dalam masa yang sama menetapkan hak yang perlu ditunaikan oleh individu terutamanya yang berada terhadap masyarakat. Apabila kepentingan individu dan kepentingan umum tidak mungkin disesuaikan Islam mendahulukan kepentingan umum (Ab.Mumin, 1999).
- 3- Ekonomi Islam memelihara keseimbangan kerohanian dan kebendaan. Justeru ia dibangunkan atas nilai-nilai akhlak dan moral seperti keadilan, kesaksamaan, kesederhanaan, timbang rasa, tolong-menolong, kerjasama dan sebagainya (Sudin Haron, 2007).
- 4- Ekonomi Islam mempunyai hubungan yang erat dengan fiqh muamalah seperti penggunaan bahasa dengan teori tatabahasa. Fiqh muamalah lebih merujuk kepada

hukum-hukum transaksi, perdagangan dan urusniaga yang lebih merupakan garis panduan dan rangka kerja untuk ekonomi Islam. Sebaliknya ekonomi Islam lebih merupakan aspek sosial dan pengkajian proses serta natijah daripada kegiatan manusia yang berkaitan dengan pengeluaran, pengagihan, penggunaan dan seumpamanya (Monzer Khaf, 1982).

- 5- Ekonomi Islam sesuai sepanjang masa dan zaman kerana bersifat kombinasi antara ketergaran dan keanjalan atau tetap dan dinamik. Ia dianggap tetap dan tegar pada prinsipnya. Dalam masa yang sama anjal dan dinamik kerana mempunyai kaedah penggunaan dan pendekatan yang berbeza sesuai dengan keadaan dan realiti (Sutarman & Sanep, 2010).

Analisis Konsep Kemaslahatan dalam Teks Kitab *Sullam al-Mubtadi*

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat masalah bermaksud sesuatu yang berfaedah dan berguna. Konsep kemaslahatan menjadi asas yang penting dalam perbincangan Syeikh Daud mengenai kontrak *Mua'wadah*. Beberapa isu dapat diketengahkan bagi menunjukkan konsep kemaslahatan diberi penekanan penting dalam berekonomi. Antaranya adalah mengenai perbincangan salah satu rukun *Bay'* dan *Ijarah*. Syeikh Daud menyatakan bahawa dalam kebanyakan kontrak-kontrak muamalah kecukupan kapasiti (*ahliyyah*) adalah satu piawaian yang penting dalam menentukan kesahihan kontrak-kontrak tersebut termasuklah kontrak *Bay'* (Muhammad Nur bin Ismail al-Fatani t.t). Hal ini adalah penting bagi menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang berkontrak kerana seseorang yang tidak cukup kapasiti (*ahliyyah*) kebiasaannya tidak mempunyai pertimbangan yang cukup baik untuk menjaga kemaslahatan dirinya, hartanya dan agamanya. Justeru, dia terdedah kepada unsur penindasan, penipuan, kesamaran dan sebagainya yang boleh memudaratkan hartanya. Maka berasaskan prinsip Maqasid Syariah yang menetapkan pemeliharaan terhadap harta dan *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* yang menggariskan kaedah bahawa "mudarat perlu dihilangkan", (al-Suyuti, t.t.) Syeikh Daud menetapkan syarat cukup kapasiti (*ahliyyah*) bagi individu yang berkontrak iaitu mempunyai pertimbangan akal yang baik dan mampu menjaga kemaslahatan harta serta agama.

Selain daripada itu, prinsip Maqasid Syariah turut dilihat diberi penekanan penting dalam syarat lain yang berkaitan individu yang berkontrak. Dalam beberapa situasi tertentu kontrak *Bay'* tidak akan diperbolehkan walaupun kapasiti individu yang berkontrak telah mencukupi. Ini adalah kerana kedapatan unsur lain yang mengundang kemudaratkan kepada agama, nyawa, akal, maruah dan harta walaupun dari segi kapasiti, individu yang berkontrak tidak bermasalah (al-Syafei, t.t). Sebagai contoh Syeikh Daud menegah urusniaga *mushaf* al-Quran kepada orang bukan Islam dan penjualan senjata kepada kafir *Harbi* (Daud Al-Fatani, t.t.), Larangan tersebut dilihat adalah untuk menjaga kemaslahatan agama yang menjadi prinsip dalam Maqasid Syariyah. Urusniaga *mushaf* al-Quran kepada orang bukan Islam adalah dilarang kerana terdapat kemungkinan al-Quran tersebut tidak dipelihara kehormatan dan kemuliaannya dengan sebaiknya disebabkan orang bukan Islam tidak memahami adab kepada kitab suci tersebut lebih-lebih lagi mereka tidak menganggap itu adalah kitab yang suci. Hal ini akan menyebabkan penghinaan terhadap wahyu Allah s.w.t. yang bertentangan dengan prinsip menjaga kemaslahatan agama. Manakala dalam isu larangan penjualan senjata kepada kafir *Harbi* adalah kerana ia memberi kekuatan persenjataan kepada pihak yang memusuhi Islam. Ini mengundang

ancaman kepada umat Islam lebih-lebih lagi dalam situasi perang, maka hal ini bercanggah dengan prinsip menjaga kemaslahatan agama.

Salah satu lagi isu yang diketengahkan oleh Syeikh Daud yang dilihat mempunyai konsep kemaslahatan ialah mengenai syarat subjek jualan. Sama ada subjek jualan tersebut berbentuk manfaat atau barangan fizikal, ia mestilah diketahui spesifikasinya sama ada dari segi ciri-ciri, sifat, saiz, kadar dan sebagainya (Daud Al-Fatani, t.t.) Subjek jualan yang diadakan dengan tidak ditentukan spesifikasinya mengundang unsur-unsur pertaruhan nasib di mana pembeli bertaruh nasib dengan mendapatkan manfaat atau membeli sesuatu barang yang tidak diketahui spesifikasinya, jika ia mendapat manfaat dan barangan yang baik maka dia dianggap bernasib baik, sebaliknya jika ia tidak mendapat manfaat atau barang yang sesuai dengan harga yang dibayar dia dianggap tidak bernasib baik. Unsur-unsur ini memungkinkan berlakunya ketidakpuasan hati yang dirasai oleh penyewa atau pembeli kerana tidak mendapat barangan jualan atau manfaat seperti yang dia kehendaki kerana ternafinya hak pembeli atau penyewa untuk mengetahui perincian manfaat dan melihat sebaik mungkin barangan jualan sebelum berpuas hati untuk menukarkannya dengan harga tertentu. Perkara ini bertentangan dengan prinsip Maqasid Syariah yang memelihara harta dan hak individu serta mengelakkan kemudaratan seperti persengketaan dan sebagainya (Asmadi Mohamed Naim, 2003).

Berdasarkan konsep kemaslahatan, kontrak *Bay' al-Salam* diharuskan walaupun kontrak *Bay' al-Salam* dilihat menyalahi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam kontrak *Bay'*. (Daud al-Fatani, t.t.). Dalam kontrak *Bay'* disyaratkan bahawa barang jualan tersebut wujud ketika kontrak dimeterai. Hal ini yang membezakannya dengan kontrak *Bay' al-Salam* dimana barangan jualan tersebut tidak mesti wujud ketika kontrak dimeterai, sebaliknya ia hanya disifatkan dan dicirikan oleh penjual dengan jaminan bahawa ia akan diserahkan pada tempoh yang ditetapkan (Muhammad Nur al-Fatani, t.t.). Ini adalah penting bagi menyelesaikan kebanyakan permasalahan dan keperluan masyarakat yang berhajat kepada kontrak ini. Dalam kebanyakan aktiviti ekonomi dan muamalah, barang jualan tidak dapat terus disediakan sebaliknya memerlukan satu bentuk tempahan serta mengambil masa untuk menyiapkannya. Selain itu, dalam sesetengah sektor, langkah ini perlu diambil untuk menjaga dan memelihara kepentingan perniagaan agar tidak terjebak dengan risiko kerugian yang lebih besar. Sesetengah sektor memerlukan bayaran pendahuluan sebagai modal untuk menyediakan barang yang ditempah tersebut. Maka walaupun menyalahi syarat-syarat *Bay'*, kontrak *Bay' al-Salam*, diharuskan berdasarkan kemaslahatan yang bertepatan dengan kaedah fiqh : “kesulitan membawa kepada kemudahan”. (al-Suyuti, t.t.)

Analisis Konsep Keadilan dalam Teks Kitab *Sullam al-Mubtadi*

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Beberapa isu yang disentuh oleh Syeikh Daud dilihat menonjolkan konsep keadilan dalam perbincangan mengenai kontrak *Mua'wadah*. Antaranya ialah mengenai salah satu syarat subjek jualan bagi kontrak *Bay'* menurut Syeikh Daud iaitu barang jualan tersebut mestilah sesuatu yang mampu diserahkan oleh penjual kepada pembeli (Daud al-Fatani, t.t). Hal ini dilihat adalah berasaskan konsep keadilan kepada pihak yang berkontrak terutamanya pembeli. Syarat ini turut dikongsi dalam kontrak *Ijarah* (Daud al-Fatani, t.t). Ketidakmampuan untuk

menyerahkannya boleh mengakibatkan kezaliman dan penindasan kepada pihak pembeli yang telah menyerahkan harga belian tersebut.

Salah satu lagi terma menurut Syeikh Daud yang dilihat penting dalam menjamin keadilan dan hak terutamanya kepada pihak pembeli ialah tarikh dan tempat serahan barang yang telah ditempah perlu dipersetujui dan dinyatakan secara jelas dalam kontrak *Bay' al-Salam* (Daud al-Fatani, t.t). Syarat ini juga dilihat penting memandangkan kontrak *Bay' al-Salam* melibatkan penangguhan penyerahan barangan jualan. Berdasarkan modus operandi kontrak *Bay'*, barangan jualan perlu diserahkan terus sebaik sahaja kontrak dimeterai, namun berbeza dengan kontrak *Bay' al-Salam* dimana barangan tersebut ditangguh penyerahannya. Untuk menjaga kepentingan pembeli maka tempat dan tarikh penyerahan perlu ditetapkan sebagai ganti kepada ketidakwujudan barang jualan ketika memeterai kontrak. Perkara ini dilihat sebagai salah satu lagi langkah untuk meminimumkan unsur-unsur ketidakjelasan dan penindasan (Ahmad Hidayat Buang 2000), Penangguhan penyerahan barang tanpa diketahui tempat dan tarikh serahan menyebabkan ketidakadilan kepada pembeli mengenai barang tempahan yang telah dibayar harganya apatah lagi apabila ia memerlukan barangan tersebut.

Dalam konteks semasa penetapan tarikh serahan amat penting memandangkan kegiatan ekonomi terikat dengan masa dan perancangan. Ketiadaan tarikh yang tetap akan mengundang kelewatan sekaligus merencatkan banyak aktiviti dan perancangan kegiatan ekonomi. Malahan dalam banyak situasi sebarang kelewatan dihukum dengan tindakan undang-undang (Zaharuddin Abd Rahman, 2008). Hal ini adalah wajar kerana kegiatan ekonomi ketika ini begitu kompleks dan berkait antara satu sama lain. Kelewatan terhadap sebarang aktiviti akan menyebabkan sektor-sektor lain yang berkait turut terkesan sekaligus mengundang kemudaratannya yang lebih besar (Zaharuddin Abd Rahman, 2008). Maka syarat yang telah dinyatakan oleh Syeikh Daud mengenai tarikh dan tempat penyerahan barangan adalah begitu signifikan berdasarkan realiti semasa.

Salah satu lagi isu yang dilihat bercirikan konsep keadilan ialah mengenai kerosakan barang sewaan yang berlaku pada tangan penyewa. Menurut Syeikh Daud, dalam kontrak *Ijarah* tangan penyewa adalah dianggap sebagai tangan pemegang amanah (Daud al-Fatani t.t). Bermakna, sesuatu yang disewa manfaatnya oleh penyewa adalah seolah-olah merupakan amanah yang diserahkan kepada penyewa dengan persetujuan dan kerelaan pemberi sewa atau pemilik. Justeru, sekiranya berlaku kerosakan terhadap sesuatu yang disewa manfaatnya, penyewa tidak perlu menggantikan kerosakan yang telah berlaku. Walaupun begitu, sekiranya kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiannya atau penggunaan yang melanggar persetujuan dan adat kebiasaan, penyewa tetap perlu menggantikan kerosakan tersebut (Daud al-Fatani, t.t) Ini adalah kerana kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya tersebut. Hal ini berbeza dengan tangan yang dianggap sebagai tangan *Dhaman* atau tangan jaminan. Sekiranya penyewa dalam isu ini dianggap sebagai tangan jaminan maka sebarang kerosakan sama ada dengan kecuaiannya ataupun tidak, penyewa perlu menggantikannya (Muhammad Nur al-Fatani t.t). Pandangan Syeikh Daud mengenai isu ini dilihat relevan dan selari dengan prinsip-prinsip keadilan. Tidak ada sebab penyewa dituntut untuk menggantikan barang tersebut jika kerosakan yang berlaku bukan disebabkan kecuaiannya. Sedangkan dalam masa yang sama pemberi sewa atau pemilik telah bersetuju dan rela untuk menyewakan barang tersebut lebih-lebih lagi sewaan manfaat tersebut ditukarkan dengan bayaran.

Terdapat beberapa lagi isu mengenai jual-beli yang haram tetapi sah menurut Syeikh Daud yang memperlihatkan penekanan terhadap konsep keadilan dan bebas penindasan seperti :

- 1- Tawaran atas tawaran, iaitu tawar-menawar antara penjual dan pembeli yang telah dipersetujui, kemudian datang seseorang memberikan tawaran yang lebih menarik menyebabkan persetujuan awal yang telah dicapai untuk memeterai kontrak jual-beli tidak menjadi (Muhammad Nur al-Fatani t.t).
- 2- Jualan atas jualan, iaitu perbuatan seseorang yang menghasut pembeli supaya membatalkan kontrak yang telah dimeterai dengan penjual ketika masih dalam masa *Khiyar* supaya membeli dengannya, seperti dengan menawarkan harga yang lebih rendah kepada pembeli untuk barang yang sama (Muhammad Nur al-Fatani t.t).
- 3- Belian atas belian, iaitu perbuatan seseorang yang menghasut penjual supaya membatalkan kontrak yang telah dimeterai dengan pembeli ketika masih dalam masa *Khiyar* supaya menjualkan kepadanya dengan harga yang lebih tinggi bagi barang yang sama (Muhammad Nur al-Fatani t.t).

Berdasarkan isu-isu yang dinyatakan tersebut, dilihat bahawa syarat-syarat dan rukun-rukun kontrak tersebut tidak bermasalah, sebaliknya wujud unsur-unsur penindasan di mana seseorang telah menafikan hak seseorang yang lain yang telah memuktamadkan harga untuk memeterai kontrak yang telah dipersetujui. Unsur-unsur penindasan tersebut menjadikan jual-beli tersebut haram tetapi sah walaupun memenuhi syarat dan rukun. Justeru, kaedah yang boleh dirumuskan berdasarkan perbincangan Syeikh Daud mengenai kontrak *Mua'wadah* yang berkaitan dengan konsep keadilan ialah setiap jual-beli yang mengandungi unsur-unsur penindasan menjadikan kontrak itu haram tetapi sah walaupun memenuhi syarat dan rukun.

Kesimpulan

Ulama-ulama awal Nusantara seperti Syeikh Daud al-Fatani bukan sahaja telah menghasilkan karya-karya ilmiah yang telah memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu di Alam Melayu sebaliknya sekiranya dianalisis secara lebih terperinci terhadap kitab-kitab fiqh yang telah dikarang, beliau juga telah mengemukakan idea-idea berkaitan ekonomi. Justeru, pengarang-pengarang kitab fiqh seperti beliau bukan sahaja patut dikenali sebagai fuqaha-fuqaha awal Alam Melayu tetapi lebih dari itu beliau juga sepatutnya dikenali sebagai pemikir-pemikir ekonomi awal Alam Melayu.

Salah satu konsep yang terkandung dalam pemikiran ekonomi Syeikh Daud adalah mengenai konsep kemaslahatan dan keadilan. Hal ini adalah bersesuaian dengan asas perbincangan fiqh muamalah secara keseluruhannya yang berkonsepkan kemaslahatan umum dan keadilan berbanding hukum ta'abbudi yang menjadi teras sebahagian hukum-hukum terutama dalam fiqh ibadah. Ini mengukuhkan lagi metodologi penetapan hukum-hukum yang berkaitan dengan fiqh muamalah yang sangat perlu mengambil kira kemaslahatan dan realiti keadaan semasa. Apa yang dilihat dan didapati dalam kajian ini, idea-idea yang terkandung dalam kitab tersebut masih relevan dengan realiti masa kini sekaligus memperlihatkan relevansinya kitab-kitab jawi seperti *Sullam al-Mubtadi* untuk dijadikan rujukan pada masa kini.

Bibliografi

- Ab. Mumin Ab. Ghani (1994), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : JAKIM.
- Abdul Rahman Abdullah (2002), *Sejarah Tamadun Islam*. Batu Caves : Pustaka Ilmi.
- Accounting and Auditing Organization for Islamic Institutions (AAOFII) (2002), *Sharikah (Musharakah) and Modern Corporation Standard*.
- Adiwarman Azwar Karim (2004), *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*. Jakarta : PT Rajagrafindo Persada.
- Afzal-UI-Rahman (1994), *Doktrin Ekonomi Islam*. Terj. Zaharah Salleh. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Hidayat Buang (2000), *Studies in The Islamic Law of Contract : The Prohibition of Gharar*. Kuala Lumpur : International Law Book Services.
- Al-Haytami, Muhammad bin Ahmad Ibn Hajar (2001), *Tuhfah al-Muhtaj*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mahalli, Jalal al-Din (t.t.), *Kanz al-Raghibin*. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t.) *Asybah wa al-Nazhoir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafie' yah*. Kaherah : Dar al-Bayan al-Araba.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris (t.t.), *al-Umm*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Syarbini, Syams al-Din Mu'ammad al-Khatib (2006), *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Anas Zarqa (1989), *Islamic Economics : An Approach to Human Welfare*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Daud bin Abdullah al-Fatani. (t.t.), *Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariq al-Muhtadi*. Fatani, Thailand : Matba'ah Halabi.
- Engku Ibrahim Ismail, *Syeikh Daud Al-Fatani, Satu Analisis Peranan & Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam di Nusantara* (University Malaya, Akademi Pengajian Islam 1992).
- Harcharan Singh Khera (1977), *Prinsip-Prinsip Ekonomi*. C. 5. Kuala Lumpur : Maricans & Sons (Malaysia Sdn. Bhd.).
- Hasliza Talib (2004), "Pembangunan Ekonomi dari Perspektif Islam : Tinjauan Pemikiran Tokoh-Tokoh Semasa" (Disertasi M.Ec. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya).

- Jomo K.S., Ishak Shari (2003), *Makroekonomi*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Khurshid Ahmad (1989), *Problems of Research in Islamic Economics*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- M. Manzoor Alam (1996), *Perspectives on Islamic Economics*. New Delhi : Qazi Publishers & Distributors.
- M. Umer Chapra (2000), *The Future of Economics : An Islamic Perspective*. Leicester : The Islamic Foundation
- Masudul Alam Choudhury (1986), *Contributions to Islamic Economic Theory : A Study in Social Economics*. Hong Kong : MacMillan Press Ltd
- Mohamed Aslam Mohamed Haneef (1990), "Contemporary Muslim Economic Thought : Comporative Analysis" (Disertasi M.Ec. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya).
- Monzer Kahf (1989), *Islamic Economics System : A Review*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Muhammad Abdul Mannan (1986), *Islamic Economics : Theory and Practice*. Cambridge : Hodder and Stoughton.
- Muhammad Akram Khan (1983), *Issues in Islamic Economics*. Lahore : Islamic Publications Limited.
- Muhammad Nur bin Muhammad al-Fatani (t.t.), *Kifayatul Muhtadi Syarh Sullam Mubtadi*. Pulau Pinang : Dar Ma'arif.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking*. Leicester : The Islamic Foundation.
- _____ (1989), *Pemikiran Ekonomi Islam : Satu Tinjauan Penulisan Semasa*. Mohd. Amin bin Abdullah (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (1970), *Some Aspects of Economy*. Lahore : Islamic Publications.
- Nor Mohamed Yakcop (1996), *Sistem Kewangan Islam di Malaysia : Teori, Amalan dan Prospek*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.
- Ole R. Holsti (1969), *Content Analysis for The Social Sciences and Humanities*. California : Addison-Wesley Publishing Company.
- Raihanah Abdullah (2010), "Pendekatan Kualitatif dalam Bidang Pengajian Islam" (Kertas Kerja Bengkel Penyelidikan Pengajian Tinggi di Auditorium Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 28 September 2010).

Robert Philip Weber (1990), *Basic Content Analysis*. London : Sage Publications.

Staley, Charles E. (1991), *A History of Economic Thought from Aristotle to Arrow*.
Cambridge : Blackwell.

Zaharuddin Abd Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam*. Kelana Jaya : Truewealth Sdn.
Bhd.